

# SEKITAR



EDISI 3 : 1 - 15 FEB 2016

## KESERONOKAN BEKERJA TINGKAT PRODUKTIVITI DAN KREATIVI PERKHIDMATAN AWAM



Seminar Perancangan Strategik JPA 2016

**ms2**



Majlis Pelancaran Kaunter 1Pesara  
JPA@DBKL

**ms3**



Sesi *Engagement* Penambahbaikan  
252 Skim Perkhidmatan

**ms5**



Kunjung Hormat Dan Musyawarah  
GAKUM Bersama YBhg. Tan Sri  
KPPA

**ms5**

## SEMINAR PERANCANGAN STRATEGIK JPA 2016



Pada 5 Februari 2016, telah berlangsungnya Seminar Perancangan Strategik (SPS) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2016, di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kampus Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Seminar ini melibatkan para pegawai dari semua Bahagian bertujuan untuk membincangkan status pencapaian Inisiatif Transformasi JPA bagi tahun 2015; dan menetapkan Inisiatif Transformasi JPA bagi tahun 2016.

Secara keseluruhannya, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berpuas hati dengan hasil pembentangan laporan program impak tinggi Bahagian yang terlibat kerana mempunyai common understanding dan hala tuju khusus. Walaupun begitu, YBhg. Tan Sri KPPA berpendapat masih ada lagi ruang untuk diperbaiki dan mengesyorkan agar inisiatif yang diambil perlu lebih menjurus pada *outcome* dan bukan pada proses kerja. Oleh yang demikian, Bahagian-Bahagian yang terlibat perlu bekerjasama dan menyelaraskan semula fungsi tugas masing-masing untuk mengelakkan sebarang pertindihan kerja. Bahagian-Bahagian yang terlibat juga disarankan agar mengambil langkah yang lebih efisien dan praktikal serta menggunakan maklumat yang sedia ada. Antara isu lain yang diperbincangkan, YBhg. Tan Sri KPPA juga menyentuh tentang pengurusan bakat di mana isu perjawatan harus ditangani bersama di antara Bahagian Perkhidmatan, Institut Tadbiran Awam Negara, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Psikologi. JPA perlu proaktif dan mengesan bakat di peringkat awal. Proses pencarian bakat perlu melangkaui sempadan. Oleh yang demikian, YBhg. Tan Sri KPPA menasihatkan agar Bahagian-Bahagian yang terlibat perlu bersifat lebih terbuka kepada perubahan dan perlu mempunyai pandangan yang meluas atau *macro overview* terhadap isu ini.

Sebagai teraju utama bagi Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam perlu menjadi contoh dan rujukan kepada agensi-agensi kerajaan lain. JPA perlu lebih bersifat terbuka dan meningkatkan usahanya melalui Blue Ocean Strategy. Antara contoh yang dibincangkan adalah seperti isu rasuah, di mana persepsi penjawat awam berkenaan isu ini terbatas hanya ke arah JPA.

Melalui inisiatif Blue Ocean Strategy, peranan Jabatan Perkhidmatan Awam di dalam isu ini perlu dikongsi bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). YBhg. Tan Sri KPPA juga membangkitkan perlunya kajian terhadap skim-skim pencen yang dilaksanakan di luar negara dan pembaharuan yang mungkin dapat diaplikasikan di dalam perkhidmatan. Adakah warga Perkhidmatan Awam mampu menerima perubahan seperti ini? Mampukah JPA membawa anjakan paradigma baru di kalangan warga Perkhidmatan Awam?

Sebelum menutup SPS 2016, YBhg. Tan Sri KPPA sempat menekankan kepentingan kualiti penyampaian perkhidmatan di mana fokus perlu ditujukan kepada warga Perkhidmatan Awam. YBhg. Tan Sri KPPA berpendapat bahawa kepuasan dan keseronokan bekerja mampu mendorong produktiviti dan kreativiti warga Perkhidmatan Awam. Inisiatif latihan yang dilaksanakan perlu berteraskan idea ini dan ianya perlu merapatkan jurang antara pengetahuan atau pengalaman dalam bidang tugas masing-masing.









# MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN KAUNTER 1PESARA JPA@DBKL

**KUALA LUMPUR, 2 FEBRUARI 2016** – Atas usaha yang berterusan untuk memartabatkan Perkhidmatan Awam ke mercu yang lebih gemilang, tuan rumah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah melancarkan kaunter 1Pesara JPA@DBKL. Upacara Majlis Pelancaran Perkhidmatan Kaunter 1Pesara JPA@DBKL ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan telah disaksikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk Seri Mhd Amin Nordin bin Abd Aziz.



Kaunter 1Pesara ini diwujudkan bertujuan untuk memudahkan urusan pesara dan juga orang awam bagi proses permohonan kelulusan pembiayaan dialisis, tuntutan perjalanan bagi tujuan rawatan perubatan, semakan status persaraan dan pertukaran akaun bank. Selain itu juga, Kaunter 1Pesara ini membolehkan pesara untuk mengemukakan permohonan Kad Pesara baru bagi tujuan gantian kad lama, kad rosak, kehilangan kad atau sebarang pindaan maklumat. Kaunter 1Pesara ini juga membolehkan pesara dan orang awam untuk mengemukakan permohonan Bantuan Mengurus Jenazah dan permohonan Pendaftaran Anak Kurang Upaya.

Selaras dengan perutusan YAB Perdana Menteri di dalam Bajet 2016, Kaunter 1Pesara ini diharap dapat menjaga serta memelihara kebajikan hidup rakyat. Dalam ucapan beliau, YBhg. Tan Sri KPPA menjelaskan bahawa ekspektasi rakyat terhadap Kerajaan begitu tinggi. Oleh demikian, ianya adalah tanggungjawab penjawat awam untuk memberikan persepsi yang baik terhadap Perkhidmatan Awam kepada rakyat.

Menurut YBhg. Tan Sri, pelaksanaan Kaunter 1Pesara JPA di DBKL akan menerapkan konsep inisiatif 1Serve iaitu *Do MORE with LESS, for MORE*. Bermaksud, pengendalian kaunter akan dilaksanakan secara *multi-tasking* bersama-sama dengan petugas kaunter DBKL dan JPA. Inisiatif 1Serve ini merupakan satu transformasi perkhidmatan kaunter Kerajaan yang sebelum ini mengamalkan konsep satu kaunter satu perkhidmatan, kepada satu kaunter pelbagai perkhidmatan.



## **SESI *ENGAGEMENT* PENAMBAHBAIKAN 252 SKIM PERKHIDMATAN DAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN TERENDAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Sesi *engagement* bagi membincangkan penambahbaikan 252 skim perkhidmatan dan penetapan Gaji Permulaan Terendah dalam Perkhidmatan Awam kepada RM1,200.00 sebulan telah diadakan pada 12 Februari 2016 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 13, Blok C1, JPA.

Program tersebut yang merupakan sesi libat urus pertama YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam (KPPA) bersama Pegawai-pegawai Tertinggi CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi tahun 2016 adalah antara lain untuk memberi maklumat awal mengenai penambahbaikan 252 skim perkhidmatan, kaedah pelaksanaan gaji permulaan terendah RM1,200.00 dan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan amaun satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT). Sesi *engagement* tersebut juga bertujuan bagi mendapatkan maklum balas atau pandangan untuk pelaksanaan yang lebih lancar dan teratur.



## **KUNJUNG HORMAT DAN MUSYAWARAH GAKUM BERSAMA YBHG. TAN SRI KPPA**



Pada 10 Februari 2016 YBhg. Tan Sri KPPA telah menerima Kunjung Hormat dan Musyawarah oleh Majlis Mesyuarat Gabungan Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Am Universiti/IPTA Malaysia (GAKUM). Delegasi kunjungan yang berjumlah 36 orang ini diketuai oleh Presiden GAKUM sendiri iaitu YM Tuan Haji Ku Azmi Ku Ibrahim. Turut bersama beliau ialah Presiden-Presiden Kesatuan daripada Universiti Malaysia iaitu UPSI, UM, USM, UTM, UNIMAS, USIM, UPNM, UMT, UTHM, UIAM, UNISZA, UMP, UMK.

GAKUM merupakan sebuah persatuan yang menggabungkan Presiden-Presiden dan Setiausaha-Setiausaha Kehormat bagi Kesatuan-Kesatuan Kakitangan Am Universiti/IPTA di Malaysia. Kunjungan hormat dan musyawarah bersama YBhg. Tan Sri KPPA ini bertujuan untuk membincangkan hal kebajikan dan perkhidmatan kakitangan am universiti dan IPTA di bawah payung GAKUM. Antara fokus perbincangan tersebut melibatkan isu pegawai lantikan kontrak di universiti-universiti awam di serata Malaysia.



## MAJLIS PERPISAHAN YBHG. DATUK SURENDRAN C.K. BALAN



Pada tahun ini, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar (BPPD) kehilangan seorang pegawai kanan yang telah banyak berbakti dan meletakkan JPA di persada gemilang Perkhidmatan Awam dengan persaraan YBhg. Datuk Surendran C.K. Balan. JPA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas jasa dan khidmat bakti yang telah disumbangkan oleh YBhg. Datuk Surendran C.K. Balan selama berkhidmat di JPA sebagai Pengarah BPPD.

YBhg. Datuk Surendran telah menerajui pelbagai program inisiatif kerajaan semasa beliau berkhidmat sebagai Pengarah BPPD.

Yang pastinya sumbangan dan khidmat bakti YBhg. Datuk Surendran telah meninggalkan impak yang mendalam kepada seluruh warga JPA. Atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau di BPPD sebelum ini, YBhg. Datuk Surendran telah dilantik semula secara kontrak ke Unit Komunikasi Korporat JPA sebagai Ketua Komunikasi Korporat.

**Tahniah dan Selamat Maju Jaya di tempat baru Datuk Surendran!**

### TIPS KESELAMATAN KANAK-KANAK KETIKA MENGGUNAKAN ESKALATOR

1. SEBELUM MENGGUNAKAN ESKALATOR, PERIKSA TALI KASUT DAN PAKAIAN SUPAYA TIDAK TERLALU LABUH.
2. SILA GUNAKAN LIF SEKIRANYA ANAK BERADA DI DALAM STROLLER.
3. AWASI ANAK ANDA, PASTIKAN MEREKA TIDAK BERMAIN, BERSANDAR ATAU MEMANJAT ESKALATOR YANG BERGERAK.
4. DUKUNG ANAK YANG MASIH BELUM MAHIR MENGIMBANGI BADAN.
5. PASTIKAN ANAK ANDA BERTIDUR DI TENGAH-TENGAH ESKALATOR.
6. AWASI KAKI ANAK ANDA SUPAYA TIDAK MELEBIHI GARISAN KUNING YANG TERDAPAT DI TANGGA ESKALATOR.
7. SENTIASA BERWASPADA DENGAN KEADAAN SEKELILING.
8. BERI TUMPUAN SEPENUHNYA KEPADA ANAK.



# LAWATAN KE KAUNTER 1SERVE JPA4U BERSEMPENA MESYUARAT PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM DAN PEGAWAI ADUAN JPM BIL 1/2016

**PARCEL C, PUTRAJAYA, 11 FEBRUARI 2016** - Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Aduan Jabatan Perdana Menteri 1/2016 telah dianjurkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertindak sebagai tuan rumah bagi mesyuarat pembuka tahun 2016. Mesyuarat ini diadakan dengan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam berkaitan aduan-aduan yang berbangkit dan aktiviti-aktiviti program di setiap jabatan atau agensi di bawah JPM. Selain itu untuk memaklumkan perkara-perkara yang penting bagi makluman Pegawai Perhubungan Awam (PPA). Mesyuarat ini telah dihadiri oleh lebih 60 orang PPA.

Ahli mesyuarat turut dibawa untuk melawat Kaunter 1Serve JPA4U sejurus selepas tamatnya mesyuarat. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi bersama PPA antara inisiatif yang dilaksanakan oleh JPA dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam.





# MENCARI KEPUASAN BEKERJA

RAMAI orang yang tidak tahu apakah yang boleh memberikannya kepuasan bekerja. Bagi yang baru mencari pekerjaan maka gaji dan upah adalah faktor yang difikirkan bakal memberikan kepuasan.

Ada pula yang berfikir mencari pekerjaan sesuai dengan kelulusan akan memberikan kepuasan. Bagi sesetengah orang, melakukan pekerjaan yang bukan dalam bidang mereka, dianggap sebagai kerja sementara sebelum mendapat pekerjaan yang lebih sesuai. Namun bagi yang telah lama memasuki alam pekerjaan, mereka sedar bahawa gaji dan upah bukanlah segala-galanya. Justeru ada yang memilih kekal bekerja di sesebuah organisasi walaupun gajinya lebih kecil berbanding jawatan sebelumnya. Memang duit itu penting tetapi pada masa sama, banyak faktor lain lagi yang perlu difikirkan.

Berikut faktor-faktor yang sering diambil kira dalam mencari kepuasan bekerja:

## Komunikasi Terbuka

Kita seronok apabila wujud komunikasi dua hala antara majikan dan pekerja kerana ia membolehkan setiap masalah diselesaikan secara langsung dan setiap idea disampaikan terus tanpa tapisan.

## Bidang Tugas

Setiap orang mempunyai bakat dan kecenderungan yang berbeza-beza. Menukar bidang tugas bagi tujuan mengelak kebosanan dalam diri pekerja belum tentu dapat meningkatkan produktiviti. Lebih-lebih lagi apabila tugas itu dijalankan oleh mereka yang tidak berkebolehan atau tidak berminat dengan tugas diberikan.

## Jaminan Kerja

Ada orang kekal bekerja di sesebuah organisasi kerana dia tahu masa depannya terjamin di samping mendapat

pencen. Sebab itu ramai yang berebut-rebut memohon pekerjaan sebagai penjawat awam.

## Rangsangan Kerja

Kita seronok bekerja apabila sering dipuji, pengorbanan dihargai, kenaikan pangkat yang telus, idea diterima, latihan diberi, suasana tempat kerja kondusif dan sebagainya.

## Faedah lain dan insentif

Faedah-faedah seperti bayaran perubatan, elaun perumahan, bonus tahunan, bonus perayaan dan sebagainya antara perkara yang juga diambil kira dalam memilih kerja atau memutuskan untuk bertukar kerja.

## Peluang untuk maju

Tiada seorang pun yang suka berada pada satu takuk selama-lamanya. Semua orang mahukan kenaikan pangkat, peningkatan dalam kerjaya, peluang menyambung pelajaran, tanggungjawab yang lebih besar dan sebagainya.

## Gaji dan upah

Ramai yang selama ini menyangkakan bahawa kepuasan bekerja letaknya pada gaji dan upah yang lumayan. Hakikat sebenar adalah sebaliknya. Tidak ada ertinya gaji yang tinggi apabila anda tidak punya masa bersama keluarga, tidak sempat bersosial, tiada masa rehat dan suasana kerja yang tegang

## Saiz organisasi

Ada segelintir orang yang bekerja kerana organisasi tempatnya bekerja mempunyai bilangan pekerja yang ramai serta nama yang besar. Hakikatnya, saiz organisasi bukanlah faktor utama dalam mencari keseronokan bekerja.

Sumber: Utusan Malaysia



www.jpa.gov.my



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000  
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA